



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PERBELANJAAN FAEDAH
DAN SEKATAN FAEDAH**

KETETAPAN UMUM NO. 2/2011

TARIKH KELUARAN: 7 FEBRUARI 2011



KANDUNGAN	Muka Surat
1. Pendahuluan	1
2. Laba atau keuntungan sebagai ganti kepada faedah	1
3. Peruntukan berkaitan	1
4. Interpretasi	1
5. Layanan cukai atas perbelanjaan faedah	1- 3
6. Sekatan faedah di bawah subseksyen 33(2) ACP	3 - 7
7. Ketidapkakaian sekatan faedah subseksyen 33(2)	7- 8
8. Perbelanjaan faedah yang dilakukan atas pelaburan	8 - 17
9. Pinjaman pembiayaan semula	17 - 18
10. Kredit bayaran tertunda	18 - 19
11. Layanan perbelanjaan faedah berkaitan dengan pendapatan dividen yang diterima oleh syarikat	19 - 21
12. Tarikh kuat kuasa	21

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Ketetapan ini menerangkan:
 - (i) potongan perbelanjaan faedah dalam mengira pendapatan larasan seseorang dari suatu punca bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di bawah perenggan 33(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP);
 - (ii) sekatan atas amaun perbelanjaan faedah yang boleh dibenarkan potongan dari pendapatan kasar perniagaan di bawah subseksyen 33(2) ACP; dan
 - (iii) pengiraan perbelanjaan faedah dibenarkan mengikut punca pendapatan yang dikenakan cukai di bawah perenggan 4(a), 4(c), 4(d) atau 4(f) ACP.
2. Ketetapan ini juga terpakai kepada laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan sebagai ganti kepada faedah dalam transaksi yang dijalankan mengikut prinsip Syariah.
3. Peruntukan ACP yang berkaitan dengan Ketetapan ini adalah perenggan 33(1)(a), subseksyen 33(2) dan 39(1).
4. Perkataan yang digunakan dalam Ketetapan ini mempunyai maksud berikut:
 - 4.1 "Faedah" adalah pulangan atau pampasan untuk kegunaan atau penahanan oleh seseorang sejumlah wang yang dimiliki oleh atau terutang kepada orang lain.
 - 4.2 "Orang" termasuk syarikat, kumpulan orang dan perbadanan tunggal.
 - 4.3 "Perniagaan" termasuk profesion, pencarian dan perdagangan dan setiap pengilangan, usaha atau urusan yang bercorak perdagangan, tetapi tidak termasuk penggajian.
 - 4.4 "Portfolio" bermakna pelbagai sekuriti atau pelaburan lain yang dipegang oleh seseorang pada bila-bila masa.
5. **Layanan cukai atas perbelanjaan faedah**
 - 5.1 Potongan perbelanjaan faedah di bawah perenggan 33(1)(a)

Dalam penentuan pendapatan larasan seseorang dari suatu punca bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, faedah yang dilakukan dan perlu dibayar atas wang yang dipinjam oleh orang itu dan -

 - (i) digunakan dalam tempoh itu dalam penghasilan pendapatan kasar dari punca berkenaan; atau
 - (ii) dilakukan atas aset yang digunakan atau dipegang dalam tempoh itu untuk menghasilkan pendapatan kasar dari punca berkenaan

adalah perbelanjaan yang dibenarkan.

Contoh 1:

Abadi Sdn Bhd meminjam RM1 juta dari CIMB Bank pada bulan Januari 2009 untuk digunakan sebagai modal kerja dalam perniagaan perkilangan. Syarikat melakukan perbelanjaan faedah sebanyak RM100,000 dalam tahun 2009. Syarikat tidak memiliki pelaburan lain (seperti dicerminkan dalam kunci kira-kira syarikat).

Perbelanjaan faedah RM100,000 dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaan syarikat sebab ia telah dilakukan dalam penghasilan pendapatan.

Contoh 2:

Ahmad membeli sebuah mesin untuk digunakan dalam perniagaan percetakan dengan mengambil pinjaman RM50,000 dari Bank Industri.

Perbelanjaan faedah yang perlu dibayar oleh Ahmad dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaan sebab pinjaman dilakukan atas aset yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan berkenaan.

Contoh 3:

Bangi Sdn Bhd yang menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun telah meminjam RM10 juta dari Maybank pada Mac 2008 untuk membina sebuah kilang baru bagi kegunaan perniagaan di Bandar Baru Bangi. Kilang dijangka akan siap pada Januari 2010.

Walaupun kilang masih belum siap dalam tahun 2008 dan 2009, perbelanjaan faedah yang dilakukan oleh syarikat bagi kedua-dua tahun dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaan untuk tahun taksiran 2008 dan 2009 masing-masing sebab pinjaman dilakukan atas aset yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan berkenaan.

- 5.2 Seseorang yang melakukan perbelanjaan faedah atas pinjaman untuk membina bangunan atau loji sebelum perniagaan bermula tidak dibenarkan potongan atas perbelanjaan itu. Orang itu juga tidak boleh menuntut elaun bangunan industri atau elaun modal (jika berkaitan) atas amaun faedah yang dilakukan walaupun perbelanjaan faedah mungkin telah dipermodalkan sebagai sebahagian kos bangunan atau loji. Ini disebabkan perbelanjaan faedah bukan merupakan sebahagian kos membina bangunan atau menyediakan loji.

Contoh 4:

IPP Sdn Bhd diperbadankan pada 8.3.2006. Syarikat telah diberikan konsesi oleh kerajaan negeri untuk membekalkan elektrik di luar bandar. Sebelum perniagaan bekalan kuasa dimulakan pada 1.7.2008, syarikat telah melakukan perbelanjaan faedah RM3 juta atas pinjaman bersindiket RM30 juta yang digunakan untuk membina sebuah loji kuasa.

Syarikat tidak boleh menuntut RM3 juta dalam pengiraan cukai untuk tahun berakhir 30.6.2009 sebab amaun berkenaan adalah perbelanjaan pra-permulaan perniagaan. Syarikat juga tidak layak menuntut elaun modal atas RM3 juta jika amaun itu telah dipermodalkan sebagai sebahagian kos loji kuasa.

5.3 Wang yang dipinjam tidak digunakan kesemua dan semata-mata dalam perniagaan

5.3.1 Subseksyen 33(2) ACP memperuntukkan bahawa sekiranya seseorang telah meminjam wang untuk tujuan perniagaan dan juga tujuan bukan perniagaan, perbelanjaan faedah yang dicajkan dalam akaun untung dan rugi tidak akan dibenarkan sepenuhnya. Ini akan berlaku, jika pada pendapat Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN), sebahagian atau seluruh wang telah digunakan secara langsung atau tidak langsung untuk tujuan bukan perniagaan.

5.3.2 Wang digunakan untuk tujuan bukan perniagaan termasuk:

(i) pelaburan dalam harta tanah, saham, sekuriti dan sekuriti Islam, simpanan tetap, dan

(ii) pinjaman (termasuk pinjaman tanpa faedah) kepada orang lain.

5.3.3 Jika seseorang dapat membuktikan hingga KPHDN berpuas hati bahawa pelaburan dan pinjaman tidak dibiayai secara langsung atau tidak langsung oleh wang yang dipinjam, tiada sekatan faedah akan dibuat atas perbelanjaan faedah yang dibenarkan dalam pengiraan pendapatan larasan dari punca perniagaan.

5.3.4 Sebaliknya, jika seseorang gagal membuktikan bahawa pelaburan dan pinjaman tidak dibiayai sebahagian atau sepenuhnya, secara langsung atau tidak langsung oleh wang yang dipinjam, amaun perbelanjaan faedah yang dibenarkan akan disekat.

6. Sekatan faedah di bawah subseksyen 33(2) ACP

6.1 Potongan bagi perbelanjaan faedah perlu dibayar atas wang yang dipinjam untuk tujuan perniagaan, pelaburan dan pinjaman ditentukan seperti berikut:

(i) jika jumlah besar pelaburan dan pinjaman sama dengan atau melebihi amaun wang yang dipinjam, seluruh perbelanjaan faedah tidak akan dibenarkan; atau

(ii) jika jumlah besar pelaburan dan pinjaman kurang daripada amaun wang yang dipinjam, hanya sebahagian perbelanjaan faedah tidak akan dibenarkan.

- 6.2 Bahagian perbelanjaan faedah yang disekatkan potongan dari pendapatan kasar perniagaan dikira dengan menggunakan formula berikut:

Kos pelaburan dan pinjaman dibiayai oleh wang yang dipinjam yang dikenakan faedah		Purata faedah perlu dibayar, bulanan atau tahunan
_____	X	
Baki wang yang dipinjam yang dikenakan faedah pada akhir bulan atau tahun		

6.3 Pemakaian formula

6.3.1 Jika jumlah besar pelaburan dan pinjaman yang dibiayai secara langsung atau tidak langsung dari wang yang dipinjam tidak melebihi RM500,000, sekatan faedah subseksyen 33(2) dikira dengan menggunakan baki tahunan.

6.3.2 Dalam keadaan di mana

- i. jumlah besar pelaburan dan pinjaman yang dibiayai secara langsung atau tidak langsung oleh wang yang dipinjam melebihi RM500,000; atau
- ii. tiada pelaburan dan pinjaman pada akhir tahun kewangan sebab pelaburan dan pinjaman yang dibiayai secara langsung atau tidak langsung oleh wang yang dipinjam telah dijual, dipindah atau dibayar balik pada bila-bila masa dalam tahun itu,

sekatan faedah subseksyen 33(2) akan terpakai berasaskan baki bulanan dan semua maklumat berkaitan mesti disimpan oleh pembayar cukai untuk tujuan audit cukai.

6.3.3 Perbelanjaan faedah yang dilakukan dianggap terakru sama rata setiap bulan jika baki bulanan digunakan dalam pengiraan sekatan faedah di bawah subseksyen 33(2) ACP.

Contoh 5:

Alamanda Sdn Bhd menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Syarikat memperoleh kemudahan overdraf RM400,000 dari Maybank untuk kegunaan dalam perniagaan pada Disember 2008. Syarikat membeli 1,000 unit saham TNB dan 5,000 unit saham Telekom pada 5 Januari 2009. Syarikat juga membeli sebuah rumah teres dan sebuah rumah kedai pada Januari 2009. Syarikat menerima pendapatan dari pelaburan dalam tahun 2009 seperti berikut:

Saham	Unit	Kos (RM)	Dividen (RM)
TNB	1,000	10,000	2,000
Telekom Bhd	<u>5,000</u>	<u>30,000</u>	<u>Tiada</u>
Jumlah	<u>6,000</u>	<u>40,000</u>	<u>2,000</u>

Harta tanah	Kos(RM)	Sewa diterima (RM)	Perbelanjaan hasil (RM)
Rumah teres	100,000	12,000	1,000
Rumah kedai	<u>160,000</u>	<u>24,000</u>	<u>2,500</u>
Jumlah	<u>260,000</u>	<u>36,000</u>	<u>3,500</u>

Syarikat menuntut perbelanjaan faedah RM40,000 dalam akaun untung dan rugi bagi tahun taksiran 2009. Oleh sebab syarikat tidak dapat membuktikan pembelian pelaburan bukan dibiayai oleh overdraf, amaun perbelanjaan faedah yang dibenarkan potongan dari pendapatan kasar perniagaan perlu disekat.

*Amaun yang disekat dikira dengan menggunakan formula di perenggan 6.2
Ketetapan ini seperti berikut:*

$$\begin{aligned}
 \text{Faedah disekat} &= \frac{\text{RM300,000}}{\text{RM400,000}} \times \text{RM40,000} \\
 &= \text{RM30,000}
 \end{aligned}$$

RM30,000 hendaklah dicampur balik dalam pengiraan cukai syarikat (iaitu hanya RM10,000 dibenarkan potongan sebagai perbelanjaan perniagaan). Walau bagaimanapun, syarikat boleh menuntut potongan perbelanjaan faedah dari pendapatan pelaburan sebab pelaburan dianggap telah dibiayai oleh overdraf. Pengiraan perbelanjaan faedah bagi setiap punca pelaburan dikira seperti berikut:

Pendapatan dividen (RM)		Pendapatan sewa (RM)	
$\frac{40,000}{300,000} \times 30,000 = 4,000$		$\frac{260,000}{300,000} \times 30,000 = 26,000$	
Pendapatan kasar	2,000	Pendapatan kasar	36,000
Tolak: faedah dibenarkan		Tolak: faedah dibenarkan	26,000
(RM4,000 dihadkan)	<u>2,000</u>	perbelanjaan lain	<u>3,500</u>
Pendapatan berkanun	<u>Tiada</u>	Pendapatan berkanun	<u>6,500</u>

Contoh 6:

Sama fakta seperti Contoh 5 kecuali pembelian saham dibiayai oleh pinjaman tanpa faedah dari seorang pengarah syarikat.

Sekatan faedah dikira seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{Faedah disekat} &= \frac{RM260,000}{RM400,000} \times RM40,000 \\
 &= RM26,000
 \end{aligned}$$

Kos saham RM40,000 tidak dimasukkan dalam pengiraan sekatan faedah sebab pembelian saham bukan dibiayai oleh kemudahan overdraf dari Maybank.

RM26,000 dicampur balik dalam pengiraan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, syarikat boleh menuntut potongan perbelanjaan faedah RM26,000 dari pendapatan kasar sewa RM36,000. Tiada potongan perbelanjaan faedah dari pendapatan dividen sebab pinjaman yang digunakan untuk membiayai pembelian saham adalah tanpa faedah.

Contoh 7:

Metro Bhd telah memperoleh kemudahan pinjaman dari RHB Bank Bhd. Butir-butir baki bulanan bagi pinjaman bank dan pelaburan yang dibiayai oleh wang yang dipinjam dari RHB Bank Bhd adalah seperti berikut:

Akhir bulan	Baki pinjaman (RM)	Pelaburan (RM)	Perbelanjaan faedah (RM)
Januari	3,000,000	1,500,000	10,000
Februari	4,000,000	3,000,000	10,000
Mac	2,500,000	3,000,000	10,000
April	1,500,000	3,000,000	10,000
Mei	7,000,000	5,000,000	10,000
Jun	4,000,000	5,000,000	10,000
Julai	6,000,000	2,000,000	10,000
Ogos	Tiada	2,000,000	Tiada
September	3,500,000	2,000,000	10,000
Oktober	1,000,000	Tiada	10,000
November	7,000,000	3,000,000	10,000
Disember	4,000,000	3,000,000	10,000

Bahagian perbelanjaan faedah yang disekat di bawah subseksyen 33(2) ACP dikira seperti berikut:

Akhir bulan	Pengiraan		Faedah disekat (RM)
Januari	$\frac{RM1,500,000}{RM3,000,000} \times RM10,000$	=	5,000
Februari	$\frac{RM3,000,000}{RM4,000,000} \times RM10,000$	=	7,500
Mac	Seluruh faedah tidak dibenarkan sebab amaun pelaburan melebihi wang dipinjam	=	10,000
April	Seluruh faedah tidak dibenarkan sebab amaun pelaburan melebihi wang dipinjam	=	10,000
Mei	$\frac{RM5,000,000}{RM7,000,000} \times RM10,000$	=	7,143
Jun	Seluruh faedah tidak dibenarkan sebab amaun pelaburan melebihi wang dipinjam	=	10,000
Julai	$\frac{RM2,000,000}{RM6,000,000} \times RM10,000$	=	3,333
Ogos	Tiada perbelanjaan faedah dilakukan untuk bulan ini	=	Tiada
September	$\frac{RM2,000,000}{RM3,500,000} \times RM10,000$	=	5,714
Oktober	Seluruh faedah dibenarkan sebab tiada pelaburan dalam bulan ini	=	Tiada
November	$\frac{RM3,000,000}{RM7,000,000} \times RM10,000$	=	4,286
Disember	$\frac{RM3,000,000}{RM4,000,000} \times RM10,000$	=	7,500
	Jumlah faedah	=	70,476

7. Ketidapkakaian sekatan faedah subseksyen 33(2)

- 7.1 Sekatan faedah subseksyen 33(2) tidak terpakai jika perbelanjaan faedah atas wang yang dipinjam yang dicajkan dalam akaun perniagaan tidak melebihi RM10,000 bagi kes syarikat dan RM6,000 bagi kes individu dan lain-lain.
- 7.2 Jika perbelanjaan faedah atas wang yang dipinjam yang dicajkan dalam akaun perniagaan melebihi RM10,000 bagi kes syarikat dan RM6,000 bagi kes individu dan lain-lain, sekatan faedah subseksyen 33(2) mesti digunakan.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan faedah yang tidak dibenarkan untuk tujuan perniagaan disebabkan pemakaian subseksyen 33(2) boleh dibenarkan potongan dari pendapatan pelaburan atau pinjaman, yang mana berkaitan.

8. **Perbelanjaan faedah yang dilakukan atas pelaburan**

8.1 Bagi tujuan potongan perbelanjaan faedah dari pendapatan dividen, faedah atau sewa, semua pelaburan dalam portfolio saham, pinjaman atau harta tanah bagi punca masing-masing hendaklah dikumpulkan tidak kira sama ada pelaburan berkenaan menghasilkan pendapatan atau tidak. Walau bagaimanapun, layanan cukai ini tidak terpakai kepada pelaburan yang menghasilkan pendapatan yang dikecualikan cukai dan pinjaman tanpa faedah kepada pihak berkaitan, yang dibiayai oleh wang pinjaman.

Contoh 8:

Badrul Sdn Bhd memperoleh kemudahan pinjaman dari Ambank untuk kegunaan perniagaan runcit syarikat. Syarikat melabur dalam unit amanah dan membeli saham menggunakan sebahagian wang dari kemudahan pinjaman tersebut. Sekatan faedah dikira dengan menggunakan formula di perenggan 6.2 Ketetapan ini ialah RM8,000.

Badrul Sdn Bhd menerima pendapatan dari pelaburan seperti berikut:

Unit amanah	Unit	Kos (RM)	Agihan pendapatan(RM)
SBS Growth Fund	20,000	20,000	2,000
Makmur Fund	<u>10,000</u>	<u>10,000</u>	<u>1,000</u>
Jumlah	<u>30,000</u>	<u>30,000</u>	<u>3,000</u>

Portfolio saham	Unit	Kos (RM)	Pendapatan dividen (RM)
MAS Bhd	2,000	10,000	Tiada
XYZ Bhd (syarikat perintis)	10,000	50,000	(dikecualikan cukai) 5,000
ABC Ltd (syarikat asing)	5,000	20,000	(dikecualikan cukai) 2,000
Malakof Bhd	<u>10,000</u>	<u>40,000</u>	<u>10,000</u>
Jumlah	<u>27,000</u>	<u>120,000</u>	<u>17,000</u>

Layanan cukai

(a) *Perbelanjaan faedah berkaitan dengan pelaburan dalam unit amanah:*

$$\frac{RM30,000}{RM150,000} \times RM8,000 = RM1,600$$

(b) *Perbelanjaan faedah berkaitan dengan portfolio saham:*

$$\frac{RM50,000}{RM150,000} \times RM8,000 = RM2,667$$

Pengiraan pendapatan berkanun

(i) <i>Agihan pendapatan</i>	<i>RM3,000</i>
<i>Tolak : perbelanjaan faedah</i>	<u><i>RM1,600</i></u>
<i>Pendapatan berkanun</i>	<u><i>RM1,400</i></u>
 (ii) <i>Pendapatan kasar dividen</i>	 <i>RM10,000</i>
<i>Tolak : perbelanjaan faedah</i>	<u><i>RM 2,667</i></u>
<i>Pendapatan berkanun</i>	<u><i>RM7,333</i></u>

Contoh 9:

Hanim, tuan punya tunggal Hanim Halal Food, telah memperolehi pinjaman dari Ambank untuk membiayai pelaburan dan pinjaman berikut:

Pinjaman kepada pihak ketiga	Unit	Amaun (RM)	Pendapatan faedah (RM)
Pinjaman 1	-	30,000	4,000
Pinjaman 2	-	<u>70,000</u>	<u>8,000</u>
Jumlah		<u>100,000</u>	<u>12,000</u>

Saham sebut harga	Unit	Kos (RM)	Pendapatan dividen (RM)
Amway Bhd	12,000	100,000	10,000
TNB Bhd	15,000	120,000	10,000
Insas Bhd	30,000	80,000	Tiada
Maybank Bhd	10,000	110,000	12,000
Takaful Bhd	<u>20,000</u>	<u>90,000</u>	<u>Tiada</u>
Jumlah	<u>87,000</u>	<u>500,000</u>	<u>32,000</u>

Pegangan saham dalam Amway Bhd dibeli dengan pinjaman berasingan dari Affin Bank. Perbelanjaan faedah yang dituntut berhubung saham Amway Bhd ialah RM10,000. Tuan punya tunggal juga memiliki 1.2 juta saham tidak sebut harga (dengan nilai tara RM1.00) dalam dua syarikat berkaitan.

Saham tidak sebut harga	Unit	Kos (RM)	Pendapatan dividen (RM)
Haz Sdn Bhd	800,000	800,000	30,000
Ezy Sdn Bhd	<u>400,000</u>	<u>400,000</u>	<u>20,000</u>
Jumlah	<u>1,200,000</u>	<u>1,200,000</u>	<u>50,000</u>

Harta tanah berikut didaftarkan atas nama Hanim:

Harta tanah	Kos (RM)	Pendapatan sewa (RM)	Perbelanjaan hasil (tidak termasuk faedah) (RM)
Rumah No. 1	250,000	10,000	2,000
Rumah No. 2	300,000	12,000	3,000
Rumah No. 3	<u>150,000</u>	<u>11,000</u>	<u>10,000</u>
Jumlah	<u>700,000</u>	<u>33,000</u>	<u>15,000</u>

Rumah No.1 adalah harta pusaka. Rumah No. 3 dibeli dengan pinjaman berasingan dari Public Bank dan perbelanjaan faedah yang dituntut ialah RM6,000. Perbelanjaan faedah tidak dibenarkan di bawah subseksyen 33(2) dan dikira dengan menggunakan formula di perenggan 6.2 Ketetapan ini ialah RM216,000 (RM200,000 dari sekatan faedah atas pinjaman Ambank, RM10,000 dari faedah atas pinjaman dari Affin Bank dan RM6,000 dari faedah atas pinjaman dari Public Bank).

Ringkasan pinjaman/pelaburan dan faedah disekat:

Pelaburan	Ambank Bhd (RM)	Affin Bank (RM)	Public Bank (RM)	Lain (RM)
Pinjaman kepada pihak ketiga	100,000			
Saham sebut harga	400,000	100,000		
Saham tidak sebut harga	1,200,000			
Harta tanah	300,000		150,000	250,000
Jumlah	2,000,000	100,000	150,000	250,000
Faedah disekat	200,000	10,000	6,000	Tiada

Layanan cukai

- (a) *RM200,000 dibahagikan antara tiga kategori pelaburan yang dibiayai oleh pinjaman dari Ambank.*

(i) Perbelanjaan faedah berkaitan dengan pinjaman kepada pihak ketiga

$$RM200,000 \times \frac{RM100,000}{RM2,000,000} = RM10,000$$

(ii) Perbelanjaan faedah berkaitan dengan saham sebut harga dan tidak sebut harga:

$$RM200,000 \times \frac{RM1,600,000}{RM2,000,000} = RM160,000$$

(iii) Perbelanjaan faedah berkaitan dengan harta tanah:

$$RM200,000 \times \frac{RM300,000}{RM2,000,000} = RM30,000$$

(b) Perbelanjaan faedah RM10,000 yang dituntut berhubung pelaburan dalam Amway Bhd hendaklah dikumpulkan dengan bahagian perbelanjaan faedah RM160,000 berkaitan dengan pelaburan saham yang dibiayai oleh pinjaman dari Ambank. Jumlah besar RM170,000 akan dibenarkan potongan dari pendapatan kasar dividen dari saham sebut harga dan tidak sebut harga.

(c) Perbelanjaan faedah RM6,000 yang dituntut untuk Rumah No. 3 hendaklah juga dikumpulkan dengan perbelanjaan faedah RM30,000 berkaitan dengan harta tanah yang dibiayai oleh pinjaman dari Ambank. Jumlah besar RM36,000 akan dibenarkan potongan dari pendapatan kasar sewa dari ketiga-tiga rumah yang ditaksir sebagai satu punca pendapatan di bawah perenggan 4(d) ACP.

Pengiraan pendapatan berkanun

(i) Pendapatan faedah:

Pendapatan kasar faedah	RM12,000
Tolak: perbelanjaan faedah	<u>RM10,000</u>

Pendapatan berkanun **RM 2,000**

(ii) Pendapatan dividen:

Pendapatan kasar dividen	RM82,000
Tolak : Perbelanjaan faedah RM170,000 (dihadkan)	<u>RM82,000</u>

Pendapatan berkanun **Tiada**

(iii) Pendapatan sewa:

Pendapatan kasar sewa	RM33,000
-----------------------	----------

Tolak : perbelanjaan hasil	RM15,000
----------------------------	----------

perbelanjaan faedah	<u>RM36,000</u>
---------------------	-----------------

RM51,000 (dihadkan)	<u>RM33,000</u>
---------------------	-----------------

Pendapatan berkanun **Tiada**

Lebihan perbelanjaan faedah yang tidak dapat diserap oleh pendapatan dividen atau sewa tidak boleh ditolak daripada punca pendapatan lain atau dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

Contoh 10:

Sama fakta seperti di Contoh 9 kecuali tiada pendapatan dari pelaburan dalam Amway Bhd. Dalam kes ini, pendapatan kasar dividen dari saham sebut harga dan tidak sebut harga adalah RM72,000.

Pengiraan pendapatan berkanun

(ii) *Pendapatan dividen:*

<i>Pendapatan kasar dividen</i>	<i>RM72,000</i>
<i>Tolak: perbelanjaan faedah RM170,000 (dihadkan)</i>	<u><i>RM72,000</i></u>

Pendapatan berkanun

Tiada

Lebihan perbelanjaan faedah yang tidak dapat diserap oleh pendapatan dividen atau sewa tidak boleh ditolak daripada punca pendapatan lain atau dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

Contoh 11:

Sama fakta seperti Contoh 9 kecuali tiada pendapatan dari pelaburan dalam saham sebut harga dan tidak sebut harga. Dalam kes ini, pendapatan kasar dividen adalah tiada.

Pengiraan pendapatan berkanun

(ii) *Pendapatan dividen:*

<i>Pendapatan kasar dividen</i>	<i>Tiada</i>
<i>Tolak : perbelanjaan faedah RM170,000</i>	<u><i>-</i></u>

Pendapatan berkanun

Tiada

Perbelanjaan faedah RM170,000 yang tidak dapat ditolak dari pendapatan dividen tidak boleh ditolak daripada punca pendapatan lain atau dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

- 8.2 Perbelanjaan faedah yang dilakukan atas wang yang dipinjam yang digunakan untuk tujuan memberi pinjaman tanpa faedah kepada orang berkaitan tidak dibenarkan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP.

Contoh 12:

Kim Seng telah memperoleh kemudahan pinjaman dari BDB Bank berjumlah RM400,000 untuk kegunaan perniagaan. Kim Seng memberi pinjaman kepada orang berkaitan menggunakan sebahagian wang dari kemudahan pinjaman

tersebut. Pinjaman pertama diberi tanpa dikenakan faedah. Pinjaman kedua diberi dengan dikenakan faedah pada kadar pasaran. Kim Seng menuntut perbelanjaan faedah RM40,000 dalam akaun untung dan rugi.

Pinjaman yang diberi kepada orang berkaitan dan pendapatan faedah yang diterima adalah seperti berikut:

Pinjaman kepada orang berkaitan	Amaun (RM)	Pendapatan faedah (RM)
Pinjaman 1	20,000	tiada
Pinjaman 2	<u>60,000</u>	<u>7,000</u>
Jumlah	<u>80,000</u>	<u>7,000</u>

Amaun yang disekat dikira dengan menggunakan formula di perenggan 6.2 Ketetapan ini seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 \text{Faedah disekat} &= \frac{\text{RM80,000}}{\text{RM400,000}} \times \text{RM40,000} \\
 &= \text{RM8,000}
 \end{aligned}$$

RM8,000 hendaklah dicampur balik dalam pengiraan cukai Kim Seng (iaitu hanya RM32,000 dibenarkan potongan dari pendapatan perniagaan).

Pengiraan perbelanjaan faedah yang boleh dibenarkan dari pendapatan faedah dan pengiraan pendapatan berkanun dari faedah adalah seperti berikut:

(i) *Perbelanjaan faedah berkaitan dengan pinjaman yang diberi:*

$$\text{RM8,000} \times \frac{\text{RM60,000}}{\text{RM80,000}} = \text{RM6,000}$$

¹Perbelanjaan faedah yang berkaitan dengan Pinjaman 1 (yang diberi tanpa dikenakan faedah) tidak dibenarkan potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP.

(ii) *Pengiraan pendapatan berkanun dari faedah:*

<i>Pendapatan kasar faedah</i>	<i>RM7,000</i>
<i>Tolak: perbelanjaan faedah</i>	<i><u>RM6,000</u></i>
<i>Pendapatan berkanun</i>	<i><u>RM1,000</u></i>

Contoh 13:

Sama fakta seperti di Contoh 12 kecuali pinjaman pertama yang diberi tidak dibiayai oleh kemudahan pinjaman dari BDB Bank tetapi dari simpanan Kim Seng sendiri.

*Amaun yang disekat dikira dengan menggunakan formula di perenggan 6.2
Ketetapan ini seperti berikut:*

$$\begin{aligned} \text{Faedah disekat} &= \frac{{}^2\text{RM60,000}}{\text{RM400,000}} \times \text{RM40,000} \\ &= \text{RM6,000} \end{aligned}$$

²Pinjaman 1 berjumlah RM20,000 tidak diambil kira dalam pengiraan sekatan faedah sebab pinjaman bukan dibiayai oleh kemudahan pinjaman dari BDB Bank.

RM6,000 hendaklah dicampur balik dalam pengiraan cukai Kim Seng (iaitu hanya RM34,000 dibenarkan potongan dari pendapatan perniagaan).

Pengiraan perbelanjaan faedah yang boleh dibenarkan dari pendapatan faedah dan pengiraan pendapatan berkanun dari faedah adalah seperti berikut:

(i) *Perbelanjaan faedah berkaitan dengan pinjaman yang diberi:*

$$\text{RM6,000} \times \frac{{}^3\text{RM60,000}}{{}^3\text{RM60,000}} = \text{RM6,000}$$

³Tiada perbelanjaan faedah yang perlu dibayar berhubung dengan Pinjaman 1.

(ii) *Pengiraan pendapatan berkanun dari faedah:*

<i>Pendapatan kasar faedah</i>	<i>RM7,000</i>
<i>Tolak: perbelanjaan faedah</i>	<i><u>RM6,000</u></i>
<i>Pendapatan berkanun</i>	<i><u>RM1,000</u></i>

8.3 Pendapatan sewa harta tanah yang diterima oleh seseorang boleh ditaksir sebagai punca perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP atau sebagai punca bukan perniagaan di bawah perenggan 4(d) ACP. Seseorang yang menerima pendapatan sewa dianggap menjalankan perniagaan jika orang itu menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan berhubung harta tanah itu.

Contoh 14:

Sedap Restaurant Sdn Bhd dengan tahun berakhir 31 Disember memiliki tiga harta - sebuah banglo dengan kos RM2 juta, sebuah rumah kedai dengan kos RM500,000 dan sebuah rumah teres dengan kos RM300,000. Banglo bertempat di suatu kawasan eksklusif di bandar dan disewakan kepada satu keluarga ekspatriat. Dalam surat perjanjian sewaan, syarikat dikehendaki membekalkan perkhidmatan pembersihan dan penyelenggaraan kolam renang dan taman lanskap. Banglo dilengkapi sepenuhnya dengan penghawa dingin, pemanas air dan perabut. Rumah kedai adalah untuk kegunaan sendiri dan

rumah teres disewakan tanpa sebarang perkhidmatan disediakan. Dalam akaun berakhir 31.12.2009, syarikat mempunyai kemudahan overdraf RM3 juta. Syarikat tidak memiliki pelaburan lain selain daripada tiga harta tersebut. Syarikat memberi maklumat bahawa banglo dan rumah kedai dibeli dengan menggunakan sebahagian overdraf yang diperolehi dari Scotia Bank. Rumah teres dibeli dengan pinjaman bertempoh dari Maybank. Rumah teres kosong buat sementara waktu dari Januari hingga Ogos 2009.

Akaun untung dan rugi syarikat untuk tahun berakhir 2009 adalah seperti berikut:

Pendapatan kasar - Perniagaan			RM800,000
Pendapatan sewa - Banglo	180,000		
- Rumah teres	6,000		<u>186,000</u>
			986,000
Tolak : Perbelanjaan			
Susut nilai		100,000	
Cukai tanah & taksiran			
- Rumah kedai	10,000		
- Banglo	14,000		
- Rumah teres	7,200	31,200	
Insurans api			
- Rumah kedai	5,000		
- Banglo	1,000		
- Rumah teres	300	6,300	
Faedah overdraf		300,000	
Faedah pinjaman bertempoh		5,000	
Pembersihan & penyenggaraan			
- Rumah kedai	15,000		
- Banglo	6,000	21,000	
Lain-lain perbelanjaan hasil		463,500	<u>927,000</u>
Untung bersih			59,000

Elaun modal (E/M) untuk aset perniagaan restoran ialah RM110,000 dan aset banglo ialah RM5,000.

Sekatan faedah yang dikira dengan menggunakan formula di perenggan 6.2 Ketetapan ini ialah RM155,000 (RM150,000 ialah sekatan faedah atas overdraf dari Scotia Bank dan RM5,000 ialah faedah atas pinjaman dari Maybank).

Pendapatan sewa dari penyewaan banglo ditaksir di bawah perenggan 4(a) ACP manakala pendapatan sewa dari rumah teres ditaksir di bawah perenggan 4(d) ACP.



Layanan cukai

Perniagaan I - Restoran		RM
Untung bersih seperti akaun U/R		59,000
Tolak: Pendapatan sewa		<u>186,000</u>
		-127,000
Campur: Susut nilai	100,000	
Cukai tanah & taksiran	21,200	
Insurans api	1,300	
Pembersihan & penyenggaraan	6,000	
Sekatan faedah	155,000	<u>283,500</u>
Pendapatan larasan		156,500
Tolak: Elaun modal		<u>110,000</u>
Pendapatan berkanun		46,500

Perniagaan II – Penyewaan banglo		RM
Pendapatan kasar		180,000
Tolak: Cukai tanah & taksiran	14,000	
Insurans api	1,000	
Pembersihan & penyenggaraan	6,000	
Perbelanjaan faedah	150,000	<u>171,000</u>
Pendapatan larasan		9,000
Tolak: Elaun modal		<u>5,000</u>
Pendapatan berkanun		4,000

Pendapatan sewa – Rumah teres		RM
Pendapatan kasar		6,000
Tolak: Cukai tanah & taksiran	7,200	
Insurans api	300	
Perbelanjaan faedah	5,000	<u>12,500</u>
Rugi		<u>-6,500</u>

Pengiraan cukai

Pendapatan berkanun - Perniagaan I	46,500
- Perniagaan II	4,000
Pendapatan berkanun dari rumah teres	<u>Tiada</u>
Pendapatan bercukai	50,500

Pendapatan sewa dari rumah teres ditaksir di bawah perenggan 4(d) ACP dan merupakan punca pendapatan bukan perniagaan. Oleh itu, rugi RM6,500 tidak boleh ditolak daripada mana-mana punca pendapatan lain atau dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

9. Pinjaman pembiayaan semula

Sebarang perbelanjaan faedah yang dilakukan atas pinjaman kedua yang diperoleh untuk membiayai semula pinjaman sedia ada akan dibenarkan potongan bagi tujuan cukai pendapatan jika pinjaman terdahulu diambil untuk tujuan menghasilkan pendapatan perniagaan. Walau bagaimanapun, jika pinjaman kedua diambil untuk membiayai pinjaman terdahulu yang digunakan untuk tujuan perniagaan dan juga tujuan bukan perniagaan, sekatan faedah di bawah subseksyen 33(2) ACP akan terpakai.

Contoh 15:

Syarikat A terlibat dalam aktiviti pembalakan. Pada awal tahun 2005, syarikat memperoleh pinjaman RM100 juta (pinjaman pertama) dari Maybank untuk membayar royalti balak yang masih terhutang. Syarikat dibenarkan potongan perbelanjaan faedah atas pinjaman pertama. Pada tahun 2009, syarikat mengambil satu pinjaman lagi berjumlah RM70 juta (pinjaman kedua) dari Public Bank untuk membiayai semula pinjaman pertama yang masih terhutang sebab kadar faedah yang ditawarkan adalah lebih rendah. Syarikat menuntut perbelanjaan faedah yang dilakukan atas pinjaman kedua sebagai potongan dibenarkan.

Untuk melayakkan perbelanjaan faedah sebagai potongan dibenarkan di bawah subperenggan 33(1)(a)(i) ACP, tujuan pinjaman perlu ditentukan, iaitu sama ada ia dilakukan dalam penghasilan pendapatan. Tujuan pinjaman kedua ialah untuk membiayai semula pinjaman pertama supaya syarikat dapat menikmati penjimatan perbelanjaan faedah dari pinjaman kedua. Oleh sebab perbelanjaan faedah atas pinjaman pertama telah dibenarkan, perbelanjaan faedah atas pinjaman kedua layak sebagai potongan dibenarkan di bawah subperenggan 33(1)(a)(i) ACP kerana ia hanya pengganti bagi pinjaman pertama.

Contoh 16:

Puan Leong telah membeli sebuah kondominium mewah dengan mengambil pinjaman RM1.3 juta dari Maybank Bhd pada tahun 2005. Kondominium disewakan sejak ia diperoleh. Pada tahun 2009, Puan Leong memindahkan pembiayaan harta tanah tersebut kepada Nova Scotia Bank sebab bank berkenaan menawarkan kadar faedah yang lebih rendah. Baki pinjaman pada akhir tahun 2008 ialah RM1 juta. Nova Scotia Bank telah meluluskan satu pinjaman 'non-revolving' RM1.35 juta untuk pembiayaan semula harta tanah (RM1 juta) dan bakinya digunakan untuk kegunaan peribadi Puan Leong. Faedah yang dibayar atas pinjaman RM1.35 juta adalah RM42,000.

Perbelanjaan faedah yang boleh dibenarkan daripada pendapatan sewa adalah seperti berikut:

Bulan	Baki pinjaman terdahulu (RM)	Pinjaman pembiayaan semula (RM)	Faedah dituntut (RM)	Faedah dibenarkan (RM)
<i>Januari</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>Februari</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>Mac</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>April</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>Mei</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>Jun</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>Julai</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>Ogos</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>September</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>Oktober</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>November</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
<i>Disember</i>	1,000,000	1,350,000	3,500	2,593
Jumlah			42,000	31,116

Nota: Pengiraan perbelanjaan faedah yang dibenarkan:

$$\frac{RM1,000,000}{RM1,350,000} \times RM3,500 = RM2,593$$

10. Kredit bayaran tertunda

Sesuatu aset mungkin dibeli dan bayaran penuh hanya dibuat selepas satu tempoh kredit yang panjang, sama ada dengan bayaran ansuran atau bayaran sekali gus. Sekiranya kemudahan kredit digunakan, harga yang perlu dibayar (bayaran tertunda) adalah lebih tinggi daripada harga tunai. Perbezaan antara bayaran tertunda dengan harga tunai ialah faedah tertunda yang dibenarkan potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP.

Contoh 17:

Sunshine Sdn Bhd (SSB) membeli perabot pejabat daripada Kedai Perabot Aman pada 1.5.2008 untuk digunakan dalam perniagaan syarikat. SSB menggunakan kemudahan tempoh kredit 24 bulan yang ditawarkan oleh kedai perabot dan membayar RM30,000 (bayaran tertunda) pada 1.5.2010. Harga tunai perabot adalah RM24,000. SSB menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Faedah tertunda sebanyak RM6,000 dibenarkan potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP dalam tahun taksiran 2010.

Contoh 18:

Sama fakta seperti di Contoh 17 kecuali bayaran tertunda dibuat dalam 24 ansuran bulanan sama rata mulai 1.5.2008.

Faedah tertunda sebanyak RM250 sebulan ($RM6,000 \div 24$) dibenarkan potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP dalam tahun taksiran di mana perbelanjaan dilakukan. Oleh itu faedah tertunda yang boleh dituntut untuk tahun-tahun taksiran berikut adalah:

<i>Tahun taksiran</i>	<i>Faedah tertunda (RM)</i>
2008	2,000
2009	3,000
2010	1,000

NOTA: Sekiranya bayaran ansuran dibuat mengikut asas yang lain (contohnya berdasarkan asas amaun berkurangan), syarikat perlu membuat pengiraan sewajarnya untuk menentukan amaun yang boleh dituntut sebagai potongan di bawah perenggan 33(1)(a) ACP.

11. Layanan perbelanjaan faedah berkaitan dengan pendapatan dividen yang diterima oleh syarikat

Sistem percukaian satu-peringkat telah dilaksanakan mulai tahun taksiran 2008. Di bawah sistem ini, cukai dibayar oleh sebuah syarikat adalah cukai muktamad. Syarikat boleh mengisytiharkan dividen satu-peringkat yang dikecualikan cukai kepada pemegang saham yang tidak akan dikenakan cukai atas penerimaan dividen ini. Walau bagaimanapun, syarikat yang mempunyai baki kredit dalam akaun seksyen 108 dibenarkan untuk terus 'frank' dividen dari akaun itu dalam tempoh peralihan dari 1.1.2008 hingga 31.12.2013 atau sehingga suatu masa dimana baki akaun 108 dikurangkan kepada tiada, yang mana lebih awal. Pendapatan berkanun dari dividen (ditaksir di bawah perenggan 4(c) ACP) yang diterima oleh syarikat dianggap jumlah

pendapatan atau sebahagian jumlah pendapatan syarikat mulai tahun taksiran 2008.

Contoh 19:

Mutiara Sdn Bhd mempunyai pendapatan berikut untuk tahun berakhir 30.9.2009. Mutiara Sdn Bhd menderma RM4,000 kepada institusi yang diluluskan dalam tahun tersebut.

	Perniagaan I (RM)	Perniagaan II (RM)
Untung/rugi dilaraskan	90,000	-40,000
Elaun modal (E/M)	35,000	33,000
Pendapatan berkanun	55,000	Tiada

Pendapatan bukan perniagaan	Pendapatan kasar(RM)	Perbelanjaan faedah (RM)	Pendapatan berkanun (RM)
Sewa	50,000	15,000	35,000
Dividen:			*5,000
Satu-peringkat	14,000	6,000	
'Franked '	6,000	1,000	
Dikecualikan cukai	10,000	3,000	

**Di bawah perenggan 12B, Jadual 6 ACP, pendapatan dividen satu-peringkat dikecualikan cukai dan perbelanjaan berkaitan dengan perolehan dividen ini diabaikan. Pendapatan dividen yang dikecualikan cukai RM10,000 tidak boleh dikumpulkan dengan pendapatan 'franked dividend' sebagai satu punca pendapatan. Oleh itu pengiraan pendapatan berkanun dari 'franked dividend' adalah seperti berikut:*

<i>Pendapatan kasar</i>	<i>RM6,000</i>
<i>Tolak: Perbelanjaan faedah</i>	<i><u>RM1,000</u></i>
<i>Pendapatan berkanun</i>	<i><u>RM5,000</u></i>

Pengiraan cukai

<i>Pendapatan berkanun - Perniagaan I</i>	<i>55,000</i>
<i>- Perniagaan II (E/M h/h RM33,000)</i>	<i>Tiada</i>
<i>- Sewa</i>	<u><i>35,000</i></u>
<i>Pendapatan agregat</i>	<i>90,000</i>
<i>Tolak: Rugi tahun asas</i>	<u><i>40,000</i></u>
	<i>50,000</i>
<i>Tolak: Derma yang diluluskan</i>	<u><i>4,000</i></u>
	<i>46,000</i>
<i>Campur: Pendapatan berkanun - dividen</i> <i>(dianggap sebahagian dari jumlah pendapatan)</i>	<u><i>5,000</i></u>
<i>Pendapatan jumlah/Pendapatan bercukai</i>	<u><i>51,000</i></u>
<i>Cukai pendapatan @ 25%</i>	<i>12,750</i>
<i>Tolak: pelepasan seksyen 110</i>	<u><i>1,500</i></u>
<i>Cukai kena dibayar</i>	<i>11,250</i>

12. **Tarikh kuat kuasa**

Ketetapan ini berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2011 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**